

# LAWATAN KERJA PANGLIMA BANTUAN UDARA KE PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4652-lawatan-kerja-panglima-bantuan-udara-ke-pangkalan-udara-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4652-lawatan-kerja-panglima-bantuan-udara-ke-pangkalan-udara-gong-kedak)

GONG KEDAK, 11 Mac 19 - Lawatan Kerja Panglima Bantuan Udara, Mej Jen Dato' Hj Mohammad Salleh bin Hj Osman TUDM ke Pangkalan Udara Gong Kedak telah disambut oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie TUDM.

Dalam rangka lawatan kerja ini, beliau telah dibawa ke bilik mesyuarat ATSC Sdn Bhd untuk menandatangani buku lawatan dan seterusnya sesi taklimat disampaikan oleh pihak ATSC Sdn Bhd. Panglima Bantuan Udara juga telah dibawa ke Pusat Service Teknikal Cawang Kejuruteraan Pangkalan bagi melihat sendiri keadaan pesawat dan mengenapasti kekangan serta cabaran yang dihadapi oleh unit-unit yang berkaitan dengan pengurusan oleh Markas Pemerintahan Bantuan Udara.

Di samping itu, lawatan ini juga bertujuan untuk meninjau persiapan dari segi persediaan pesawat dan keperluan logistik sempena pertunjukan LIMA 19 yang akan berlangsung tidak lama lagi.



DSC 0147



